

# Hak-Hak Lain Pesakit & Waris HSNZ

- Diberikan orientasi berkenaan tanggungjawab pesakit & waris sewaktu kemasukan ke wad
- Diberikan dokumen serta pelan rawatan bagi tujuan kesinambungan perawatan seterusnya
- Diberikan maklumat berkenaan pendermaan organ, insiatif kualiti, promosi serta pendidikan kesihatan



- Diberikan perkhidmatan yang sesuai dengan kepercayaan agama serta nilai peribadi pesakit
- Dilindungi daripada kecurian harta benda mengikut polisi keselamatan sedia ada
- Dimaklumkan berkenaan kos rawatan serta diberikan bil bayaran secara terperinci
- Diberikan maklumat berkenaan bantuan kebajikan atau kewangan sekiranya perlu
- Dilindungi daripada risiko kecederaan fizikal
- Diberikan akses kepada waris sebagai pelawat atau penjaga mengikut polisi hospital semasa
- Diberikan peluang untuk menyuarakan sebarang aduan terhadap perkhidmatan kesihatan yang diterima



## HAK PESAKIT & WARIS HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH



## Hak Penjagaan Privasi Pesakit di HSNZ

- Privasi pesakit dihormati ketika temuduga, pemeriksaan, prosedur & rawatan
- Tiada perkongsian ruang bilik semasa rawatan, temuduga, pemeriksaan & prosedur
- Tiada pengambilan foto, rakaman, temuduga atau kajian tanpa persetujuan pesakit
- “Chaperone” disediakan sewaktu pemeriksaan melibatkan jantina berlainan
- Rekod pesakit disimpan secara sulit mengikut garis panduan sedia ada



## Hak Mendapatkan Rawatan di HSNZ

- Diberikan rawatan yang selamat dan sesuai tanpa mengira latar belakang pesakit
- Diberikan penerangan dan informasi yang jelas berkenaan penyakit, rawatan dan prognosis semasa
- Diberikan informasi berkenaan pilihan rawatan termasuk penolakan rawatan, pilihan pandangan kedua serta discaj atas risiko sendiri
- Diberikan perawatan kesakitan mengikut saranan pengalaman perubatan
- Penghentian resusitasi serta keperluan “end of life care” pesakit & waris selepas penerangan dan nasihat oleh anggota kesihatan akan dihormati dan diturutti



## HUBUNGI KAMI

LAMAN WEB  
[hsnzkt.moh.gov.my](http://hsnzkt.moh.gov.my)

TELEFON  
09-6212121

Disediakan oleh:  
JK Hak Pesakit & Waris HSNZ  
Tahun 2024